



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA
(MINISTRY OF AGRICULTURE AND AGRO-BASED INDUSTRY MALAYSIA)
WISMA TANI
NO. 28, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62624 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8870 1373/1378

Telefax : 03-8888 6906

E-mail : pro@moa.gov.my

Homepage : <http://www.moa.gov.my>

KENYATAAN MEDIA

USAHA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI BANTERAS PENCEROBOHAN VESEL NELAYAN ASING KE PERAIRAN MALAYSIA

1. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) amat prihatin berkaitan isu pencerobohan vesel nelayan asing ke perairan negara yang mengakibatkan ketirisan hasil laut dan memberi kesan kepada ekonomi rakyat Malaysia.
2. Dianggarkan hasil laut negara yang bernilai hingga RM6 bilion hilang setiap tahun (RM1.8 bilion hasil laut dalam dan RM4.2 bilion laut pantai) akibat aktiviti pencerobohan nelayan asing.
3. Sehubungan itu, MOA melalui Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) komited melaksanakan operasi bersepadu bersama agensi penguatkuasaan melibatkan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Pasukan Polis Marin (PPM) bagi membentaras pencerobohan vesel asing ke perairan Pantai Timur Malaysia.
4. Satu Jawatankuasa Antara Kementerian (Inter-Ministrial Committee) melibatkan MOA, Kementerian Luar Negeri, Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Pertahanan telah melaksanakan Ops Naga bermula 26 April 2019 lalu bagi mengekang aktiviti pencerobohan nelayan asing di perairan tempatan. Dalam tempoh tiga bulan, Ops Naga telah berjaya menahan sebanyak 52 vesel termasuk warga asing dan dihadapkan ke mahkamah. Untuk makluman juga, sebanyak 428 kes tangkapan vesel Vietnam telah dilaksanakan oleh penguatkuasa DOF, PPM dan APMM sejak tahun 2015 hingga kini.
5. Rang Undang-Undang (RUU) Perikanan (Pindaan 2019) telah mendapat kelulusan Dewan Rakyat bagi meningkatkan kadar denda dan mengekang pencerobohan nelayan asing ke dalam perairan negara. Pindaan itu juga memberi kuasa kepada menteri untuk menggubal peraturan berhubung dengan pemantauan, pengawalan dan pengawasan di perairan negara.

6. DOF tidak pernah mengeluarkan lesen laut dalam untuk diberikan, disewa atau dipajak kepada warga asing dan lesen yang dikeluarkan oleh DOF adalah kepada individu atau syarikat tempatan sepenuhnya.

7. Bermula September 2017, DOF melalui Jawatankuasa Penilaian Permit Laut Dalam bersetuju untuk tidak lagi mengeluarkan permit laut dalam untuk vesel perolehan dari luar negara (terpakai/bina baru), kecuali hanya bina baru dalam negara melalui pemodenan vesel. Pekeliling Pelaksanaan sepenuhnya dikeluarkan pada Januari 2018.

8. Bagi memastikan kedaulatan makanan negara dimartabatkan, tindakan tegas diambil dengan melaksanakan pemutihan vesel laut dalam bagi memastikan bot yang diberikan lesen adalah mematuhi undang-undang, syarat dan Dasar Pelesenan yang ditetapkan serta diberikan kepada pengusaha yang benar-benar tulen. DOF sedang mengemaskini Akta Perikanan berhubung tafsiran bagi memastikan setiap kes dapat disabitkan kesalahan.

9. Sejak tahun 2015, sebanyak 172 vesel laut dalam dari 353 vesel telah dibatalkan lesen, di samping pembatalan permit yang tidak memenuhi syarat pelesenan.

10. Selain itu, syarat pembaharuan lesen akan diperketatkan dengan penggunaan Report Card bagi vesel laut dalam bagi memberi wajaran serta penalti ke atas prestasi pendaratan ikan, keaktifan alat MTU-VMS, ciri keaslian vesel dan juga bilangan kesalahan yang dilakukan.

11. DOF turut akan melaksanakan penggunaan Quick Response Code - QR dan Radio Frequency Identification - RFID ke atas vesel laut dalam sebagai kaedah identifikasi dan pemantauan.

12. Selain pemasangan alat Automatic Identification System (AIS), DOF akan melaksanakan penggunaan sistem e-logbook bagi hasil tangkapan ikan.

13. Kerjasama serantau untuk membanteras penangkapan ikan secara haram (RPOA-IUU) juga diperkukuhkan melalui platform bilateral dengan Vietnam dan Thailand.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

16 JULAI 2019